

21 APR 2002

Mahathir-Pelaburan/I

KERAJAAN TERUS SOKONG SEKTOR SWASTA MELABUR DI BAHRAIN

Oleh: Mohd Arshi Daud/Khaidzir Md Majid

MANAMA, 21 April (Bernama) -- Malaysia akan terus memberi galakan dan sokongan kepada sektor swastanya untuk melabur di sini dalam usaha meningkatkan hubungan ekonomi dengan Bahrain, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Bahrain menawarkan banyak peluang pelaburan kepada ahli perniagaan dan syarikat Malaysia, daripada aktiviti berkaitan minyak dan gas kepada perbankan dan kewangan serta pembinaan," katanya.

Perdagangan Malaysia dengan Bahrain tahun lepas berjumlah RM315 juta dengan Malaysia mengimport barangan bernilai RM211.9 juta dari negara teluk itu.

Berucap merasmikan pejabat Petronas di sini, beliau berkata pembukaan pejabat itu, Pusat Perdagangan Malaysia dan kegiatan huluan Petronas akan membantu mengerat hubungan ekonomi antara kedua-dua buah negara.

Hubungan dalam bidang perbankan dan kewangan Islam juga akan bertambah erat hasil perjanjian persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara kedua-dua buah negara tahun lepas.

"Satu lagi MoU yang ditandatangani awal tahun lepas membuka peluang kepada syarikat Malaysia menyertai projek baru Pelabuhan Salman di Bahrain yang bernilai AS500 juta," katanya.

Sebelum itu, Perdana Menteri menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara beberapa syarikat Malaysia dan tempatan serta melawat pameran barangan Malaysia di Bahrain Mall, antara pusat membeli belah terbesar di sini.

Beliau turut melawat hypermarket Geant iaitu penyewa utama di pusat membeli belah berkenaan, yang menjual barangan dari Malaysia.

Dalam ucapan ringkasnya di situ, Dr Mahathir berharap perkongsian yang dijalin antara syarikat Malaysia dan Bahrain akan kekal lama, dibuat secara jujur dan betul.

Katanya, rakyat Bahrain telah lama terdedah kepada barangan berkualiti tinggi dan dengan itu syarikat Malaysia harus memastikan hanya barangan yang berkualiti tinggi sahaja dibawa masuk ke sini.

Dr Mahathir juga berharap Malaysia akan dapat mengeksport kapal terbang ringan Eagle ke Bahrain.

Beliau berharap syarikat pembuat pesawat itu di Malaysia dapat mengadakan demonstrasi di sini.

Perdana Menteri berkata kapal terbang kecil itu sesuai digunakan untuk tujuan latihan atau rondaan.

-- BERNAMA

MAD KHY MOZ